

Keberkesanan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah Berdasarkan Persepsi Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah, MPPM Ambilan 2003: Satu Tinjauan

oleh

Hj. Ab. Latip bin Idris
Hj. Abd. Ghani bin Taib
Maktab Perguruan Perempuan Melayu
Melaka.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) kepada guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah, Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka Ambilan 2003. Tujuan kajian ialah untuk melihat kejayaan program tersebut dari aspek pencapaian objektif-objektif program PBS, kejayaan penyampaian kandungan kursus oleh pensyarah-pensyarah, kejayaan pihak sekolah membantu program PBS dan kejayaan program PBS meningkatkan kualiti diri guru pelatih KPLI sekolah rendah. Seramai 91 orang guru pelatih KPLI sekolah rendah daripada opsyen Matematik, Sains dan Pengajian Inggeris terlibat dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik berbentuk tertutup dan terbuka, di samping sesi dialog antara pihak pentadbir maktab dengan guru pelatih tersebut. Kajian ini menggunakan soal selidik tertutup skala 5 mata ala Likert. Semua soalan dalam soal selidik dibina berdasarkan model 'Context, Input, Process, Product' (CIPP). Lima soalan dibina untuk mengesan pencapaian objektif program (context), lima soalan kejayaan pensyarah menyampaikan kandungan kursus (input), empat soalan mengenai kejayaan pihak sekolah membantu guru pelatih (process) dan lima soalan mengenai peningkatan kualiti guru pelatih setelah mengikut program PBS tersebut (product). Analisis dapatan dari aspek objektif program telah menunjukkan bahawa ada peningkatan dari segi kemahiran pemerhatian, kepekaan dan penyesuaian diri terhadap budaya sekolah di kalangan guru-guru pelatih yang dikaji. Aspek yang kurang berjaya ialah amalan di bilik darjah dan mengenal pasti kesukaran pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran. Kandungan kursus PBS yang berjaya disampaikan ialah sesi taklimat PBS, manakala aspek yang kurang berjaya ialah sesi bimbingan. Pihak sekolah didapati lebih berjaya membantu guru pelatih tersebut dari segi memberi layanan tetapi kurang berjaya memberi kemudahan dan bimbingan daripada guru-guru mata pelajaran. Kualiti guru pelatih pada akhir program yang dapat dikesan ialah mereka memahami dan mengenal budaya sekolah tetapi mereka kurang boleh memanfaatkan pengalaman PBS tersebut untuk membaiki diri (refleksi) dan menyempurnakan tugas yang diberikan. Kesimpulannya, PBS telah berjaya mendedahkan budaya sekolah kepada guru pelatih KPLI sekolah rendah tetapi mereka masih kurang berjaya mengaitkan aspek teori dan praktis semasa menjalani program PBS. Antara perkara yang dikenal pasti sebagai puncanya ialah mereka kurang mendapat bimbingan dan tiada sesi refleksi berjadual untuk mengaitkan tugas-tugas dengan pengalaman yang diperoleh semasa pelaksanaan program PBS.

1.0 PENGENALAN

Program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu komponen kursus mata pelajaran major bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sekolah Rendah yang berkuat kuasa pada Januari 2003. Program ini dimasukkan dalam latihan perguruan adalah untuk mendekatkan guru pelatih KPLI kepada situasi sebenar sekolah. Konsep ini adalah mirip kepada pengajaran mikro yang memberi peluang kepada guru pelatih KPLI memahami teori dan konsep pengajaran yang dikuliahkan. Pada masa yang sama mereka dapat meneliti teori bersama-sama praktis secara rapat semasa mereka berada di sekolah.

Program ini juga bertujuan memberi peluang kepada guru pelatih KPLI mendapat ilmu keguruan daripada guru-guru yang sedang aktif mengajar di sekolah rendah. Perkongsian ilmu antara guru yang berpengalaman dengan guru pelatih KPLI akan dapat menambahkan keupayaan mereka menghasilkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran sendiri yang sejajar dengan teori-teori yang dihasilkan oleh pendidik-pendidik yang lain.

Tempoh masa sebanyak 10 kali lawatan ke sekolah melalui program PBS ini, diharapkan dapat membantu mereka melihat amalan pendidikan di sekolah yang ada kaitan dengan bidang pembelajaran yang dipelajari di maktab perguruan. Pengalaman ini akan dijadikan bahan perbincangan mereka di maktab yang akhirnya akan dapat membentuk *grounded theory* berkaitan pendidikan keguruan dalam diri mereka. Program ini juga akan menjadikan pembelajaran pendidikan keguruan lebih *situated* dan *contextualised*.

2.0 PENYATAAN MASALAH

KPLI sekolah rendah merupakan kursus baru yang diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru pada tahun 2003 untuk memenuhi keperluan pendidikan berkualiti di sekolah rendah. Para lulusan ijazah dalam beberapa mata pelajaran telah diambil untuk menjalani latihan perguruan sekolah rendah di beberapa maktab/institusi perguruan seluruh Malaysia.

Untuk menyediakan guru-guru pelatih KPLI ini dalam latihan, mereka diperkenalkan dengan program PBS. Program baru seperti ini, walaupun baik dari teorinya tetapi tidak menjamin keberkesanan pelaksanaannya. Oleh sebab program ini merupakan program yang julung kali diadakan, sudah tentu banyak maklum balas tentang keberkesanan program ini perlu diperolehi. Semua maklumat tentang program PBS yang diperolehi itu akan dapat dimanfaatkan untuk tindakan penambahbaikan dan seterusnya memantapkan lagi program ini khususnya dan program latihan guru-guru pelatih KPLI sekolah rendah pada umumnya.

Berlandaskan rasional ini dan sebagai pusat latihan pendidikan, kami rasa bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian tinjauan tentang keberkesanan program PBS ini. Maklumat berkaitan dengan program ini penting kerana akan digunakan untuk meningkatkan dan memantapkan lagi program tersebut dalam usaha ke arah melahirkan guru-guru berijazah yang terlatih untuk sekolah rendah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang berikut:

- 3.1 Pencapaian objektif-objektif Program Pengalaman Berasaskan Sekolah;
- 3.2 Kejayaan pensyarah menyampaikan isi kandungan kursus berkaitan dengan Pengalaman Berasaskan Sekolah;
- 3.3 Kejayaan pihak sekolah dalam membantu guru pelatih KPLI sekolah rendah menjalani Program Pengalaman Berasaskan Sekolah; dan
- 3.4 Kejayaan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah meningkatkan kualiti diri guru pelatih KPLI sekolah rendah.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik tertutup dan terbuka.

4.2 Pengumpulan Data

Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik tertutup dan terbuka, di samping sesi dialog antara pihak pentadbir dengan guru pelatih KPLI sekolah rendah.

(a) Soal Selidik Tertutup

Soal selidik tertutup skala lima mata ala Likert telah digunakan. Semua soalan dalam soal selidik ini dibina menggunakan model 'Context, Input, Process, Product' (CIPP). Lima soalan dibina untuk mengesan pencapaian objektif program (context), lima soalan kejayaan pensyarah menyampaikan isi kandungan kursus (input), empat soalan mengenai kejayaan pihak sekolah membantu guru pelatih (process) dan lima soalan mengenai peningkatan kualiti guru pelatih setelah mengikut program PBS tersebut (product).

(b) Soal Selidik Terbuka

Soal selidik terbuka terdiri daripada dua soalan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kekuatan dan kekurangan program PBS.

(c) Sesi Dialog

Sesi dialog antara pihak pentadbir dengan guru pelatih KPLI sekolah rendah diadakan selepas tamat program PBS yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas secara terus daripada guru pelatih tersebut.

4.3 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada semua guru pelatih KPLI sekolah rendah opsyen Matematik, Sains dan Pengajian Inggeris.

Jadual 1
Subjek Kajian

Opsyen	Bilangan	Peratus
Matematik	34	37.4%
Sains	36	39.6%
Pengajian Inggeris	21	23.0%
JUMLAH	91	100%

4.4 Analisis Data

Data yang menggunakan skala lima mata ala Likert dianalisis dengan menggunakan kekerapan, skor, peratusan dan min. Data berbentuk terbuka dianalisis dengan mengkategorikannya berdasarkan aspek.

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Pencapaian objektif-objektif Program Pengalaman Berasaskan Sekolah

Berdasarkan Jadual 2, didapati guru pelatih KPLI sekolah rendah lebih berjaya memerhati apa yang berlaku di sekitar sekolah (70.8%), berfikir dan membuat penilaian sendiri dalam semua aspek keguruan(65.6%) tetapi mereka kurang berjaya membincangkan apa yang diperhatikan di sekolah (62.9%) dan menghubungkaitkannya dengan teori-teori yang dipelajari di maktab. Mereka juga sukar melihat amalan guru terlatih (61.8%) untuk dijadikan landasan membuat deduksi berkaitan dengan teori dan praktis khususnya mengenai kepelbagaian kebolehan murid di dalam bilik darjah (61.8%).

Jadual 2
Pencapaian objektif-objektif Program Pengalaman Berasaskan Sekolah

Petunjuk: Skala 1 sangat kurang tercapai, manakala skala 5 tercapai dengan baik

Objektif	Skala 1(%)	Skala 2(%)	Skala 3(%)	Skala 4(%)	Skala 5(%)	Skor (%)	Min skala	N
Meningkatkan kemahiran Pemerhatian, kepekaan dan penyesuaian diri dengan budaya sekolah	3 (3.3)	10 (11.0)	28 (30.8)	35 (38.5)	15 (16.5)	322 (70.8)	3.5	91
Membuat renungan dan penilaian sendiri dalam semua aspek keguruan	3 (3.3)	16 (17.8)	32 (35.6)	31 (34.4)	8 (31.0)	295 (65.6)	3.3	90
Memerhati pengurusan dan proses p-p di sekolah bagi membolehkan mereka berbincangkan teori yang dipelajari di maktab dengan mengambil kira situasi yang sebenar di sekolah	6 (6.7)	16 (17.8)	38 (42.2)	19 (21.1)	11 (12.2)	283 (62.9)	3.1	90
Melihat amalan guru terlatih untuk dijadikan landasan membuat deduksi berkaitan dengan teori dan praktis di dalam bilik darjah.	7 (7.7)	19 (20.9)	34 (37.4)	21 (23.1)	11 (21.0)	281 (61.8)	3.1	91
Mengenal pasti aras kesukaran pembelajaran murid bagi sesuatu mata pelajaran di sekolah	8 (8.9)	23 (25.6)	32 (35.6)	21 (23.3)	6 (6.7)	264 (61.8)	2.9	90

Secara perbandingan, guru pelatih KPLI Matematik lebih berjaya mencapai objektif-objektif program PBS, diikuti oleh guru pelatih KPLI Pengajian Inggeris dan guru pelatih KPLI Sains. Kumpulan guru pelatih ini bersetuju program PBS lebih meningkatkan kemahiran mereka dari segi pemerhatian, kepekaan dan kebolehan penyesuaian diri dengan budaya sekolah tetapi kurang dapat melihat amalan guru mata pelajaran dan mengenal pasti aras kesukaran pembelajaran murid (rujuk Jadual 3)

Jadual 3
Perbandingan Pencapaian Objektif Berdasarkan Peratus Skor dan Min Mengikut Opsyen

Objektif	KPLI Sains % skor (min)	KPLI Matematik % skor (min)	KPLI Pengajian Inggeris % skor (min)
Meningkatkan kemahiran Pemerhatian, kepekaan dan penyesuaian diri dengan budaya sekolah	66.49 (3.3)	74.5 (3.7)	70.47 (3.6)
Membuat renungan dan penilaian sendiri dalam semua aspek keguruan	65.41 (3.3)	65.62 (3.3)	65.71 (3.3)
Memerhati pengurusan dan proses p-p di sekolah bagi membolehkan mereka berbincangkan teori yang dipelajari di maktab dengan mengambil kira situasi yang sebenar di sekolah	58.38 (2.9)	69.72 (3.5)	60.95 (3.1)
Melihat amalan guru terlatih untuk dijadikan landasan membuat deduksi berkaitan dengan teori dan praktis di dalam bilik darjah.	58.91 (2.9)	65.45 (3.3)	60.95 (3.1)
Mengenal pasti aras kesukaran pembelajaran murid bagi sesuatu mata pelajaran di sekolah	63.24 (2.8)	63.12 (3.2)	58.09 (2.9)

5.2 Kejayaan pensyarah menyampaikan isi kandungan kursus berkaitan dengan Pengalaman Berasaskan Sekolah

Jadual 4

Petunjuk: Skala 1 sangat kurang tercapai, manakala skala 5 tercapai dengan baik

Aspek	Skala 1(%)	Skala 2(%)	Skala 3(%)	Skala 4(%)	Skala 5(%)	Skor (%)	Min skala	N
Penyampaian taklimat	1 (1.1)	10 (11.0)	32 (35.2)	37 (40.7)	11 (21.1)	320 (70.3)	3.5	91
Teori p-p yang berkaitan	0 (0)	8 (8.9)	44 (48.9)	29 (32.2)	9 (10.0)	309 (68.7)	3.4	90
Isi Kandungan	0 (0)	8 (8.9)	43 (47.8)	34 (37.8)	5 (5.6)	306 (68.0)	3.4	90
Pemberian tugas	0 (0)	14 (15.4)	35 (38.5)	35 (38.5)	7 (7.7)	308 (67.7)	3.4	91
Bimbingan	2 (2.2)	10 (11.0)	43 (47.3)	24 (26.4)	12 (13.2)	307 (67.5)	3.4	91

Pada keseluruhannya, pensyarah berjaya menyampaikan isi kandungan berkaitan dengan PBS dengan memuaskan (min tertinggi ialah 3.5 dan yang terendah ialah 3.4) Mereka lebih berjaya menyampaikan taklimat berkaitan PBS (70.3%) daripada penyampaian teori-teori yang berkaitan (68.7%), isi kandungan(68%), pemberian tugas(67.7%) dan bimbingan(67.5%) .

Jadual 5

Perbandingan Kejayaan Pensyarah Menyampaikan Kandungan PBS Berdasarkan Peratus Skor dan Min Mengikut Opsyen

Aspek	KPLI Sains % skor (min)	KPLI Matematik % skor (min)	KPLI Pengajian Inggeris % skor (min)
Penyampaian taklimat	65.40 (3.3)	72.12 (3.6)	80 (3.8)
Teori p-p yang berkaitan	66.67 (3.3)	67.87 (3.4)	73.33 (3.7)
Isi Kandungan	63.30 (3.2)	69.69 (3.9)	73.33 (3.7)
Pemberian tugas	60.54 (3.0)	71.51 (3.6)	74.28 (3.7)
Bimbingan	67.57 (3.4)	62.42 (3.1)	75.24 (3.8)

Pensyarah kumpulan guru pelatih KPLI Pengajian Inggeris lebih berjaya menyampaikan kandungan yang berkaitan dengan PBS berbanding dengan pensyarah kumpulan guru pelatih KPLI Matematik dan Sains.

5.3 Kejayaan pihak sekolah dalam membantu guru pelatih KPLI sekolah rendah menjalani Program Pengalaman Berasaskan Sekolah

Jadual 6

Petunjuk: Skala 1 sangat kurang tercapai, manakala skala 5 tercapai dengan baik

Aspek	Skala 1(%)	Skala 2(%)	Skala 3(%)	Skala 4(%)	Skala 5(%)	Skor (%)	Min skala	N
Layanan pentadbir sekolah	2 (2.2)	16 (17.8)	23 (25.6)	28 (31.1)	21 (23.3)	321 (71.3)	3.6	90
Sokongan/kerjasama guru-guru sekolah	3 (3.3)	17 (18.9)	41 (45.6)	12 (13.3)	17 (18.9)	320 (71.1)	3.6	90
Bantuan/bimbingan guru mata pelajaran	1 (1.1)	14 (15.6)	30 (33.3)	23 (25.6)	22 (24.4)	293 (65.1)	3.3	90
Kemudahan yang disediakan	6 (6.7)	18 (20.0)	37 (41.1)	17 (18.9)	12 (13.3)	281 (62.4)	3.1	90

Pada keseluruhannya, pihak sekolah membantu program PBS dengan memuaskan. Layanan pihak pentadbir sekolah sangat memuaskan (71.3%. min 3.6) dan guru-guru telah memberikan sokongan dan kerjasama. Walau bagaimanapun, guru pelatih KPLI sekolah rendah kurang mendapat bimbingan daripada guru mata pelajaran dan kemudahan yang disediakan (rujuk lampiran 2, 5 dan 6)

Jadual 7

Perbandingan Kejayaan Pihak Sekolah Membantu Program PBS
Berdasarkan Peratus Skor dan Min Mengikut Opsyen

Aspek	KPLI Sains % skor (min)	KPLI Matematik % skor (min)	KPLI Pengajian Inggeris % skor (min)
Layanan pentadbir sekolah	64.87 (3.2)	74.11 (3.7)	77.89 (3.9)
Sokongan/kerjasama guru-guru sekolah	58.38 (2.9)	68.82 (3.4)	71.58 (3.6)
Bantuan/bimbingan guru mata pelajaran	69.19 (3.5)	77.64 (3.9)	64.21 (3.2)
Kemudahan yang disediakan	57.84 (2.9)	69.41 (3.5)	58.65 (2.9)

Pada keseluruhannya, sekolah yang menerima kumpulan guru pelatih KPLI Pengajian Inggeris lebih membantu mereka menjalani program PBS berbanding dengan sekolah-sekolah yang menerima kumpulan KPLI Matematik dan Sains. Kumpulan guru pelatih KPLI Matematik lebih berjaya mendapat bimbingan daripada guru mata pelajaran dan kemudahan yang disediakan.

Dari aspek peranan pihak sekolah, hanya 14 responden (12.3%) mengatakan kekuatan program PBS terdapat pada aspek bimbingan daripada guru besar dan guru-guru (lampiran 3 dan 4), dan jika diteliti kepada aspek kekurangan program PBS (lampiran 5 dan 6) kerjasama, sokongan dan bimbingan daripada pihak sekolah dan guru-guru adalah kurang memuaskan (42.4%).

5.4 Kejayaan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah Meningkatkan Kualiti Diri Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah.

Berdasarkan Jadual 8, program PBS lebih berjaya dari segi mengenalkan budaya sekolah kepada guru pelatih KPLI sekolah rendah (76.4%) dan diikuti dengan kefahaman mereka tentang murid-murid (67.7%). Mereka agar kurang berjaya dari aspek yang berkaitan dengan teori dan praktis, menyempurnakan tugas dengan baik dan kemahiran membuat refleksi(60.5%). 55 responden (48.2%) mengatakan kekuatan program PBS berletak pada pendedahan keadaan sebenar dan budaya sekolah dan 20.2% kepada pendedahan strategi p & p (rujuk lampiran 1, 3 dan 4).

Jadual 8
Kualiti Diri Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah Hasil Daripada Program PBS

Petunjuk: Skala 1 sangat kurang tercapai, manakala skala 5 tercapai dengan baik

Aspek	Skala 1(%)	Skala 2(%)	Skala 3(%)	Skala 4(%)	Skala 5(%)	Skor (%)	Min skala	N
Mengenal budaya sekolah	0 (0)	4 (4.5)	22 (24.7)	49 (55.1)	14 (15.7)	340 (76.4)	3.8	89
Kefahaman tentang murid	0 (0)	8 (9.3)	43 (50.0)	29 (33.7)	6 (7.0)	291 (67.7)	3.4	88
Perkaitan teori dan praktis	2 (2.2)	18 (20.2)	40 (44.9)	27 (30.3)	2 (2.2)	276 (62.0)	3.1	89
Kesempurnaan tugas	2 (2.3)	17 (19.3)	43 (48.9)	25 (28.4)	1 (1.1)	270 (61.4)	3.1	86
Kemahiran refleksi	4 (4.5)	15 (17.0)	46 (52.3)	21 (23.9)	2 (2.3)	266 (60.5)	3.0	88

Ini bermakna PBS berjaya mengenalkan budaya sekolah dan kefahaman tentang murid tetapi kurang berjaya dari segi menghubungkan aspek teori-teori di maktab dengan praktis di sekolah, khusus dari segi kesempurnaan tugas di dalam bilik darjah dan membuat refleksi yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan Jadual 9, kumpulan guru pelatih KPLI Pengajian Inggeris lebih berjaya mengenal budaya sekolah, memahami murid dan membuat refleksi berbanding dengan kumpulan guru pelatih KPLI Matematik dan Sains. Kumpulan guru pelatih KPLI Matematik lebih berjaya dari aspek menghubungkan teori dengan praktis dan menyempurnakan tugas dengan baik berbanding dengan kumpulan KPLI Pengajian Inggeris dan Sains.

Jadual 9
Perbandingan Kualiti Diri Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah Hasil Daripada Program PBS Berdasarkan Peratus Skor dan Min Mengikut Opsyen

Aspek	KPLI Sains % skor (min)	KPLI Matematik % skor (min)	KPLI Pengajian Inggeris % skor (min)
Mengenal budaya sekolah	72.63 (3.6)	78.18 (3.9)	80 (4.0)
Kefahaman tentang murid	64.00 (3.2)	68.48 (3.4)	77.65 (3.7)
Perkaitan teori dan praktis	60.48 (3.0)	66.06 (3.3)	58.00 (2.9)
Kesempurnaan tugas	60.00 (3.0)	65.45 (3.3)	56.84 (2.8)
Kemahiran refleksi	57.78 (2.9)	61.81 (3.1)	63.16 (3.2)

6.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Analisis dapatan dari aspek objektif program telah menunjukkan bahawa ada peningkatan dari segi kemahiran pemerhatian, kepekaan dan penyesuaian diri terhadap budaya sekolah di kalangan guru-guru pelatih yang dikaji. Aspek yang kurang berjaya ialah amalan di dalam bilik darjah dan mengenal pasti kesukaran pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran.

Kandungan kursus PBS yang berjaya disampaikan ialah sesi taklimat PBS, manakala aspek yang kurang berjaya ialah sesi bimbingan. Pihak sekolah didapati lebih berjaya membantu guru pelatih tersebut dari segi memberi layanan tetapi kurang berjaya memberi kemudahan dan bimbingan daripada guru-guru mata pelajaran. Kualiti guru pelatih pada akhir program yang dapat dikesan ialah mereka memahami dan mengenal budaya sekolah tetapi mereka kurang boleh memanfaatkan pengalaman PBS tersebut untuk membaiki diri (refleksi) dan menyempurnakan tugas yang diberikan.

Kesimpulannya, PBS telah berjaya mendedahkan budaya sekolah kepada guru pelatih KPLI sekolah rendah tetapi mereka masih kurang berjaya mengaitkan aspek teori dan praktis semasa menjalani program PBS. Antara perkara yang dikenal pasti sebagai puncanya ialah mereka kurang mendapat bimbingan dan tiada sesi refleksi berjadual untuk mengaitkan tugas-tugas dengan pengalaman yang diperolehi semasa pelaksanaan program PBS.

7.0 CADANGAN

7.1 Sesi refleksi bagi setiap tugas perlu ditetapkan secara berstruktur dan berjadual supaya aspek ini tidak diabaikan atau kurang diberikan perhatian. Dicadangkan 10 kali lawatan dipecahkan kepada lima kali lawatan bertugasan dan lima sesi refleksi. Pilihan lawatan adalah seperti yang berikut:

(a) lima kali lawatan berterusan selama seminggu dan diikuti dengan sesi refleksi


atau

(b) lima kali lawatan dalam jangka masa lima minggu dan diikuti dengan sesi refleksi selepas setiap lawatan.


7.2 Penekanan PBS perlu terhadap mendapatkan makna (meanings) daripada pengalaman bukan memberikan pengalaman sahaja.

7.3 Markah wajar diberikan untuk program PBS supaya program ini dipandang serius.

LAMPIRAN 1



- Petunjuk: K1 = Pendedahan keadaan sebenar dan budaya sekolah
K2 = Pendedahan strategi P & P
K3 = Kesediaan diri sebagai bakal guru
K4 = Bimbingan daripada sekolah
K5 = Praktikum
K6 = Kenal kanak-kanak




125 respon daripada 93 responden

- Petunjuk: 1 = Kuliah
2 = Sekolah
3 = Pelaksanaan
4 = Pencapaian objektif

Rajah Pohon PBS


KEKUATAN PBS
114 respon



SENARAI KODING DAN MAKSUDNYA

KEKUATAN PBS

BIL	KOD	MAKSUD	BIL	KOD	MAKSUD
1.	PDS	Pendedahan keadaan sebenar dan budaya sekolah	7.	SPP	Pendedahan strategi p & p
2.	CMP	Cara-cara untuk mengawal pelajar	8.	APT	Mengaplikasikan teori
3.	SPS	Senario profesion perguruan sebenar	9.	HKT	Hubungkait teori dan praktis
4.	MPP	Mendapat pengalaman/pengetahuan	10.	MTP	Mengetahui teknik pengajaran
5.	CGM	Cara guru mengajar/budaya pembelajaran	11.	TDB	Teknik daripada guru berpengalaman
6.	MAP	Mengelolakan aktiviti dan pertandingan			
12.	BGG	Bimbingan daripada GB dan guru-guru	17.	KSG	Kesediaan diri sebagai guru
13.	MGG	Dapat maklumat daripada guru besar dan guru-guru	18.	MIN	Meningkatkan minat terhadap profesion perguruan
14.	BIM	Tunjuk ajar dan bimbingan daripada guru berpengalaman	19.	MKD	Membina keyakinan diri
15.	GYB	Cara-cara untuk menjadi guru yang baik	20.	MSP	Menyediakan diri sebelum mengajar
16.	OBJ	Objektif PBS tercapai	21.	SMT	Dapat menyelesaikan masalah yang timbul di sekolah
			22.	SPM	Sebagai panduan untuk mengajar
23.	PRK	Praktikum	27.	KKK	Kenal kanak-kanak
24.	RPT	Realiti praktikum	28.	PEN	Pendedahan tentang pelajaran sekolah rendah
25.	RSP	Rujukan sebelum praktikum	29.	SIK	Mengenal sikap kanak-kanak
26.	GAM	Gambaran awal dan persediaan sebelum praktikum	30.	RAP	Lebih rapat dengan murid-murid dan mendekati mereka



SENARAI KODING DAN MAKSUDNYA

KEKURANGAN PBS

BIL	KOD	MAKSUD	BIL	KOD	MAKSUD
31.	KUL	Perjalanan kuliah	35.	POB	Pencapaian Objektif
32.	TIK	Ketinggalan kuliah dan terpaksa ganti	36.	OKT	Objektif sebenar kurang tercapai
33.	WAK	Waktu kurang sesuai/bertembung dengan jadual pembelajaran	37.	PUM	Perlu ada usaha mantapkan PBS
34.	GKL	Ganti kelas petang – letih			
38.	SEK	Pihak Sekolah	48.	PEL	Pelaksanaan
39.	TKS	Tidak dapat kerjasama daripada guru/guru panitia	49.	PTT	Pengangkutan tidak teratur
40.	TFH	Tidak faham objektif PBS	50.	TPL	Tiada penerangan lengkap tentang PBS
41.	NAJ	Dianggap nazir daripada JPN – kurang selesa	51.	TMT	Tidak dapat memerhati secara berterusan
42.	HMK	Dihalang masuk kelas	52.	TDU	Tugasan yang diberikan umum/kurang mendalam
43.	GAN	Dijadikan guru ganti (relief)	53.	BAS	Bertembung dengan aktiviti sekolah
44.	GKS	Dianggap mengganggu konsentrasi dan kurang selesa	54.	PSS	Program dijalankan seminggu sekali, tidak praktikal/tidak dapat lihat kesinambungan kerana tidak dapat memerhati secara berterusan
45.	KTH	Komunikasi dengan guru terhad	55.	WTS	Waktu pelaksanaan tidak sesuai – terlalu awal/belum begitu mahir tentang teori dan praktis/teori dan praktis tidak seiring
46.	SFK	Keliru antara konsep PBS dengan ROS	56.	SJM	Sekolah jauh dari maktab
47.	TST	Guru tidak bersedia menerima guru pelatih	57.	GKP	Kena ganti kelas untuk waktu PBS
			58.	TMS	Guru tidak melakukan cara pengajaran sebenar
			59.	TGP	Tiada guru pembimbing
			60.	TPM	Tidak berpeluang mengajar/memerhati sahaja